

19 OCT 2001

Belanjawan-Pelancongan

SEKTOR PELANCONGAN DAN PENDIDIKAN DIBERI PENEKANAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Bagi menggerakkan aktiviti ekonomi dalam negeri serta meningkatkan sumber pertukaran wang asing, sektor pelancongan disuntik sejumlah RM613.9 juta dalam Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parlimen hari ini.

Jumlah wang itu diperuntukkan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan daripada jumlah berkenaan sebanyak RM200 juta untuk aktiviti mempromosi industri pelancongan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, berkata bagi menarik lebih ramai pelancong, lebih banyak kemudahan dan produk pelancongan perlu diadakan.

Katanya selain daripada usaha kerajaan, sektor swasta juga perlu mempergiatkan lagi industri pelancongan dan untuk itu kerajaan akan menambah dana bagi Tabung Khas Pelancongan dari RM200 juta kepada RM400 juta.

Katanya dengan menggalakkan industri pelancongan dengan kapal layar, sebanyak 20 lokasi telah dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan sebagai pelabuhan marina.

Katanya dalam tahun 2002, peruntukan sebanyak RM5.4 juta disediakan bagi pembinaan marina di lima lokasi di pantai barat dan timur Semenanjung Malaysia.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata pendapatan syarikat daripada sewaan kapal layar atau kapal bermotor mewah dicadangkan diberi pengecualian cukai selama lima tahun di samping duti import terhadap motosikal mewah dikurangkan daripada 120 peratus kepada 60 peratus.

Selaras dengan penurunan itu, beliau mencadangkan duti import bagi motosikal lain dikurangkan daripada 80 peratus dan 100 peratus kepada 60 peratus.

Katanya kerajaan telahpun mengecualikan cukai pendapatan daripada perniagaan pengendalian pelancong asing dan tempatan sehingga tahun taksiran 2001 dan tempoh pengecualian itu dilanjutkan selama lima tahun lagi.

Bagi mengurangkan kos menyewa kereta kepada pelancong, Dr Mahathir berkata pengusaha kereta sewa akan diberi pengecualian duti eksais terhadap pembelian kereta nasional.

Sebagai usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan mengurangkan kos menyediakan kemudahan pendidikan, Dr Mahathir berkata semua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan institusi bahasa swasta dicadangkan diberi pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas peralatan pembelajaran.

Ini termasuk kelengkapan makmal, bengkel, studio dan makmal bahasa.

Royalti yang diterima bukan pemastautin dari IPTS bagi skim pendidikan francais juga dicadangkan diberi pengecualian cukai pendapatan.

Dr Mahathir berkata galakan cukai juga diberi bagi menggalakkan industri melabur dalam aktiviti bernilai tambah tinggi dan berkaitan dengan perkilangan seperti perkhidmatan logistik, sokongan pasaran bersepadu dan juga pusat perkhidmatan utiliti.

Katanya galakan cukai itu dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus ke atas pendapatan statutori selama lima tahun, sebanyak 85 peratus ke atas pendapatan statutori selama lima tahun bagi projek-projek di Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Peralatan yang digunakan juga diberi pengecualian duti import dan cukai

jualan.
-- BERNAMA
DC ZS RON